

International Journal of Humanities,
Philosophy and Language (IJHPL)

Journal Website: <http://ijhpl.com/>
eISSN: 2600-8270



**MENGATASI KESALAHAN BACAAN TEKS BAHASA ARAB
DALAM KALANGAN PELAJAR UMS-KAL MELALUI KAEDAH
PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK (PBP)**

*RESOLVING ARABIC-LANGUAGE TEXT READING ERRORS AMONG
UNIVERSITY STUDENTS THROUGH PROJECT-BASED LEARNING (PBL)*

Siti Nurul Aishah Abdul Hamid¹, Siti Katijah Johari^{2*}, Nurul Ain Zulhaimi^{3*}, Nur Shafiekah Sapan^{4*}, Siti Aishah Ramli^{5*}.

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: snaishah@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: sitiuf@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: nurulainz@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: nurshafiekah@ums.edu.my

⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: siti.aishah@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.03.2020

Revised date: 28.04.2020

Accepted date: 29.04.2020

Published date: 15.06.2020

Abstrak:

Pembelajaran sesuatu bahasa asing amat menitikberatkan kepada penguasaan kemahiran asas antaranya kemahiran membaca yang perlu diberikan penekanan oleh setiap pelajar di peringkat permulaan. Begitu juga keadaannya terhadap pembelajaran Bahasa Arab yang merupakan bahasa ketiga atau diiktiraf sebagai bahasa asing dalam komuniti di Negara Malaysia. Antara kemahiran yang difokuskan dalam kajian ini adalah tertumpu kepada kemahiran membaca teks Bahasa Arab. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesalahan-kesalahan bacaan pelajar yang sering dilakukan ketika membaca teks Bahasa Arab seterusnya mengenalpasti sejauhmanakah kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) dapat mengatasi dan mengurangkan kesalahan-kesalahan bacaan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah pemerhatian yang dilakukan terhadap pelajar ketika membaca teks semasa ujian membaca pra dan pasca. Pengurangan kesalahan-kesalahan itu dikenalpasti daripada sebelum dan

To cite this document:

Abdul Hamid, S. N. A., Johari, S. K., Zulhaimi, N. A., Sapan, N. S., & Ramli, S. A. (2020). Mengatasi Kesalahan Bacaan Teks Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar UMS-KAL melalui Kaedah Pembelajaran Berasaskan Pelajar (PBP). *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 3 (10), 70-105.

DOI: 10.35631/IJHPL.310008.

selepas olahan PBP itu dilaksanakan. Sampel kajian adalah terdiri daripada 69 pelajar yang telah mendaftar kursus Bahasa Arab tahap 3 pada sesi pengajian 2019/2020 di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL). Instrumen kajian yang digunakan adalah satu set ujian membaca pra dan pasca berpandukan format panduan KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) yang telah digariskan oleh KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Kata Kunci:

PBP, Kemahiran Membaca Teks, Bahasa Arab, UMS-KAL

Abstract:

Foreign language learning is certainly accentuating on the mastery of basic skills including reading skills that need to be emphasized by every student in the early stages. Similarly, the same goes for Arabic language learning which is the third language or also recognized as a foreign language in the Malaysian community. One of the skills focused on this study is the focus on reading Arabic texts. The objective of this study is to identify the common reading mistakes that students often make while reading Arabic texts and to determine how well the Project Based Learning (PBL) method can overcome and reduce their reading errors. This study utilizes qualitative approach with the method of observation performed on students when they were reading texts during pre and post reading tests. The reduction of these mistakes was identified from before and after the PBL procedure was implemented. The study sample consisted of 69 students who registered for the 3rd level Arabic course in the 2019/2020 study session at Universiti Malaysia Sabah Labuan International Campus (UMS-LIC). The instrument used was a set of pre and post reading tests based on the KSSR (Primary School Curriculum Standards) guidelines set out by the MOE (Ministry of Education, 2015).

Keywords:

PBL, Text Reading Skills, Arabic, UMS-LIC

Pendahuluan

Pendidikan pada era abad ke-21 sentiasa bergerak maju dan berkembang pesat menepati gaya pembelajaran generasi kini. Karakteristik pendidikan moden haruslah selari dengan keperluan dan tuntutan dalam menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Setiap institusi pengajian haruslah meningkatkan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pelbagai inisiatif kaedah pedagogi perlulah dilaksanakan bagi mencapai hasil yang memberangsangkan seterusnya melahirkan siswazah intelektual. Menguasai kemahiran berbahasa asing bukanlah satu pilihan namun merupakan salah satu nilai tambah yang akan memanfaatkan graduan ketika mencari peluang pekerjaan pada masa akan datang. Graduan yang mempunyai kepelbagaian kemahiran tambahan mampu menepati sasaran majikan dan memberi kelebihan dan peluang yang lebih tinggi untuk dipilih. Sedemikian juga halnya dengan menguasai kemahiran Bahasa Arab yang perlu dimiliki oleh pekerja apabila melibatkan urusan dengan penutur Arab.

Matlamat dan objektif pendidikan bahasa asing haruslah menepati permintaan masyarakat dan keperluan industri abad ini. Masyarakat celik huruf mempunyai kelebihan untuk mendalami lebih jauh pengetahuan tentang sesuatu bahasa. Kemahiran asas dalam menguasai bahasa asing antaranya memfokuskan kepada kemahiran membaca. Ajaran agama Islam menyarankan agar umatnya mempelajari cara untuk membaca bagi permulaan setiap pengetahuan. Ini dijelaskan di dalam al-Quran yang menunjukkan bahawa surah awal yang diwahyukan ke atas baginda Rasulullah S.A.W iaitu surah al-‘Alaq yang menunjukkan perintah untuk membaca. Arahan membaca yang ditafsirkan dalam surah tersebut adalah menyatakan bahawa dengan membaca manusia akan memperolehi ilmu pengetahuan (Mustolehudin, 2011). Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka definisi membaca adalah membunyikan huruf-huruf yang ditulis, melihat dan memahami apa-apa yang ditulis. Definisi lain bagi perkataan membaca juga adalah menyebut atau melafazkan sesuatu perkataan atau ayat yang telah dihafal. Berpanduan definisi tersebut dapatlah diertikan bahawa membaca adalah mengeja atau menyebut apa yang tertulis di dalam kertas, buku atau selainnya dengan memahami kandungan tulisan tersebut.

Di UMS-KAL, Bahasa Arab merupakan salah satu kursus di antara kursus-kursus bahasa asing yang lain yang ditawarkan kepada semua pelajar peringkat prasiswazah sebagai syarat wajib untuk memperolehi ijazah. Faedah dan manfaat mempelajari Bahasa Arab adalah jelas untuk melahirkan graduan yang mempunyai nilai tambah dan keistimewaan berganda. Silibus pembelajaran kursus Bahasa Arab ini dibina berteraskan modul komunikasi. Ianya memfokuskan kepada kemahiran asas iaitu membaca, mendengar, menulis dan bertutur. Para pelajar haruslah melengkapkan ketiga-tiga tahap kursus Bahasa Arab selama 3 semester dengan mengikuti kelas selama 3 jam seminggu setiap semester. Tahap penguasaan pelajar dinilai dengan 4 kompenan penting iaitu penilaian peperiksaan pertengahan semester sebanyak 20%, kerja kursus sebanyak 20%, ujian lisan atau ujian membaca sebanyak 30% dan peperiksaan akhir semester sebanyak 30%. Kesemua ujian dan penilaian ini adalah untuk mengukur dan menguji tahap kemahiran bahasa pelajar. Peperiksaan pertengahan dan akhir dilaksanakan bagi menguji kefahaman dan kemahiran menulis pelajar. Manakala ujian lisan, ujian membaca dan kerja kursus adalah untuk menguji kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran mendengar. Di samping itu juga, pelajar kerap diberikan aktiviti dan latihan bahasa melalui pembelajaran secara atas talian menerusi platform rasmi UMS-KAL iaitu *Moodle* yang dijenamakan kepada *Smart2ums* bagi mengukuhkan lagi pembelajaran mereka selain pembelajaran di dalam kelas. Kerja kursus yang dijadikan sebagai projek bahasa merupakan ujian yang menilai tahap komunikasi pelajar secara berkumpulan melalui persembahan akhir. Seterusnya ujian membaca dimasukkan dalam komponen penilaian ujian lisan yang diperuntukkan sebanyak 15% setiap individu.

Pernyataan Masalah

Peranan bunyi dan sebutan dalam Bahasa Arab merupakan satu elemen penting bagi menjelaskan maksud kandungan yang ingin disampaikan. Menurut Abdul Aziz Abdul Talib (1993) sistem sebutan bunyi dan intonasi dalam bahasa asing merupakan satu aspek yang amat sukar dikuasai bagi mereka yang bukanlah terdiri daripada penutur asal bahasa tersebut. Kesalahan sebutan bunyi Bahasa Arab mampu membawa kepada kesilapan makna yang hendak diungkapkan (Rosni Samah, 2009). Kesilapan dan kesalahan menyebut atau membaca teks Bahasa Arab yang berterusan akan menunjukkan pembaca tidak menguasai aspek pembelajaran bahasa itu. Kesilapan yang berlaku ini bukanlah hanya dilakukannya oleh pelajar bukan muslim iaitu yang tidak pernah sesekali mempelajari asas Bahasa Arab, namun dukacitanya ianya juga berlaku dalam kalangan pelajar muslim yang dahulunya pernah

didedahkan dengan ilmu Bahasa Arab semenjak kecil. Perkara ini mampu dibuktikan daripada pengalaman pengkaji yang bekerja sebagai Guru Bahasa Arab di UMS-KAL. Walaupun pelajar telah melepasi pembelajaran Bahasa Arab sehingga tahap 3, namun masih terdapat kelemahan dan kesalahan pada ejaan dan bacaan pelajar. Oleh itu, kajian ini wajar dilakukan sebagai salah satu inisiatif keperlbagaian kaedah PdP untuk pelajar bagi menguasai kemahiran berbahasa Arab.

Persoalan Kajian

Persoalan yang menjadi fokus dalam kajian ini adalah:

1. Sejauhmanakah keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) dapat mengatasi dan mengurangkan kesalahan-kesalahan bacaan teks Bahasa Arab pelajar?
2. Apakah kesalahan-kesalahan bacaan yang dilakukan pelajar ketika membaca teks Bahasa Arab sebelum dan selepas pelaksanaan PBP?

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai tahap kemahiran membaca teks Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Manakala objektif kajian ini memfokuskan kepada:

1. Mengenalpasti tahap keberkesanan kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) dalam mengatasi dan mengurangi kesalahan-kesalahan bacaan teks Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.
2. Mengenalpasti kesalahan-kesalahan bacaan yang dilakukan ketika membaca teks Bahasa Arab sebelum dan selepas pelaksanaan PBP.

Sorotan Literatur

Definisi pendekatan PBP telah banyak dibincangkan dan pelbagai pendapat pengkaji telah menghuraikan konsepnya mengikut perspektif tersendiri. Menurut Veerasamy (2010) PBP merupakan model pendidikan yang mengutamakan projek dalam PdP. Moursund (1998) & Grant (2002) mentakrifkan PBP sebagai model PdP yang menekankan konsep berpusatkan pelajar dengan memberikan tugas berbentuk projek yang membolehkan pelajar bekerja secara autonomi untuk membina persekitaran dan rentak pembelajaran sendiri seterusnya menghasilkan produk sendiri. Selain itu juga, PBP mampu memperluaskan pengalaman pembelajaran pelajar di luar kelas melalui soalan bermakna yang berkaitan komuniti dan keluarga (Tali Tal, Joseph S. Krajcik, & Phyllis Blumenfeld, 2006). Menurut Institut Pendidikan Buck (2008) menyatakan bahawa konsep PBP adalah kaedah mengajar di mana memberi kesan terhadap pelajar seperti berikut:

1. Penglibatan berterusan dalam proses inkuiri yang berfokuskan kepada persoalan dan masalah yang kompleks dan sebenar.
2. Pembelajaran berpusatkan pelajar dan bekerja tanpa mengharapkan guru. Pelajar diberikan kelebihan dalam membuat pilihan topik dan kebebasan bersuara.
3. Mempamerkan pemahaman yang mendalam dalam ilmu pengetahuan akademik dan kemahiran.
4. Membina kemahiran abad ke-21 seperti bekerjasama, berfikir secara kritikal dan berkomunikasi.
5. Mencipta artifak dan prestasi yang berkualiti tinggi yang boleh dipamerkan kepada masyarakat.

Sehubungan itu juga, konsep PBP menggalakkan suatu cabaran dalam pembelajaran pelajar terhadap pelaksanaan projek yang ditugaskan. Ini kerana, pelajar perlu mengemukakan pendapat, menetapkan pemilihan topik dan menyelesaikan permasalahan dengan berbincang bersama ahli kumpulan ketika menyempurnakan projek bersama. Di samping itu juga, pengamalan kemahiran abad ke-21 seperti kerjasama, komunikasi dan berfikiran kritis serta mewujudkan produk dan persembahan yang berkualiti tinggi dapat diaplikasikan melalui proses pelaksanaan PBP tersebut (Siti Katijah, Nurul Ain, Siti Aishah, Nur Shafiekah, & Siti Nurul Aishah, 2019). Fried-Booth (1986) menyatakan bahawa kerja projek bergerak melalui tiga peringkat: bermula di dalam bilik darjah, bergerak ke dunia, dan kembali ke bilik darjah. Melalui ketiga-tiga peringkat ini, guru berperanan sebagai fasilitator, penasihat atau perunding yang bertindak dengan membantu dan memandu pergerakan pelajar dan bukanlah hanya memberikan arahan. Dengan kaedah sebegini, pelajar mampu mengaitkan ilmu yang dipelajari di kelas dengan kehidupan dunia nyata.

Memupuk kemahiran membaca teks Bahasa Arab memerlukan kepada penguasaan pengetahuan berkaitan ilmu sistem bunyi Bahasa Arab ataupun dinamakan juga dengan Ilmu *Aswat*. Menurut Ibn Jinnī berkaitan cara untuk mengetahui bunyi sesuatu huruf Arab yang betul adalah dengan menyebutnya ketika huruf tersebut bervokal sukun dan menambahkan *hamzah wasal* yang berbaris *kasrah* di depannya seperti اِضْنُ / اِغْنُ / اِسْنُ / اِبْنُ dan sebagainya (Nur Afifah, 2012). Vokal dalam Bahasa Arab dibahagikan kepada vokal aktif dan vokal pasif. Vokal aktif merupakan vokal yang boleh mendatangkan bunyi iaitu yang mempunyai *harakat* atau berbaris hidup. Manakala vokal pasif adalah vokal yang tidak mempunyai bunyi atau didatangkan dengan tanda mati iaitu *sukun*. Panjang atau pendeknya pergerakan bacaan huruf Arab ditentukan oleh sistem vokal pendek dan vokal panjang. Kumpulan vokal dibawah kategori vokal pendek adalah *fathah*, *kasrah* dan *dhommah*. Misalnya seperti perkataan كُتِبَ dibaca dengan bunyi pendek “*kutiba*”. Manakala kumpulan vokal dibawah kategori vokal panjang pula terdiri dari 3 huruf *mad* iaitu ا/و/ي yang didahului dengan vokal pendek sebelumnya.

Bagi contoh vokal panjang pula adalah seperti perkataan كَاتِبٌ yang menggunakan huruf *mad* ا dan dibaca “*kātibu*” dengan memanjangkan bunyi “*kā*” pada suku kata pertama. Fungsi vokal-vokal ini membawa kepada peranan yang penting dalam mendalami ilmu Bahasa Arab. Fungsi vokal kepada ilmu Bahasa Arab antaranya adalah menentukan perbezaan di antara golongan kosa kata sama ada di bawah kategori kata kerja atau kata nama. Contohnya perkataan كَتَبَ merupakan kata kerja yang membawa maksud “menulis”. Bagi perkataan كَاتِبٌ pula merupakan kata kerja namun di bawah kumpulan kata kerja *ruba’iy* (empat huruf). Berbeza bagi perkataan كَاتِبٌ yang merupakan kata nama yang membawa maksud “penulis”. Fungsi lain bagi vokal Arab juga adalah menggunakannya sebagai penjodoh bilangan dalam keadaan nominatif. Contohnya perkataan بَيْتَانِ iaitu vokal panjang ا yang berfungsi sebagai bilangan dua (dua buah rumah). Begitu juga bagi perkataan مُسْلِمُونَ iaitu vokal panjang و yang berfungsi sebagai tanda kata *jama’* maskulin (ramai orang Islam lelaki). Selain itu juga fungsi vokal adalah untuk menerangkan dan memahami sesuatu maksud sesuatu ayat. Contoh ayat

ضَرَبَ أَحْمَدُ زَيْدًا dapat difahami bahawa pelaku dalam ayat ini adalah Ahmad dan yang dipukul itu adalah Zaid berpandukan fungsi vokal *dhommah* pada perkataan أَحْمَدُ dan bukan sebaliknya (Nur Afifah, 2012). Oleh demikian, sistem bunyi dalam Bahasa Arab memberikan impak yang penting untuk menguasai kemahiran berbahasa. Menuju kepada sasaran ini, penguasaan awal dalam kemahiran membaca perlulah dititikberatkan dan diberikan perhatian yang mendalam bagi memupuk kemahiran tersebut dalam diri pelajar sebelum meneroka dan mendalami ilmu Bahasa Arab ke tahap yang lebih jauh.

Metodologi Kajian

Rekabentuk Penyelidikan

Kajian ini menggunakan kaedah *mixed-method* iaitu gabungan daripada kaedah kuasi-eksperimental dan kaedah penelitian deskriptif. Kaedah kuasi-eksperimental satu kumpulan digunakan bagi menjawab persoalan kajian pertama bertujuan mengenalpasti tahap keberkesanan PBP terhadap kemahiran membaca pelajar. Kaedah ini menggunakan satu kumpulan eksperimen untuk mengkaji kesan olahan pemboleh ubah tak bersandar. Sampel kajian akan diukur melalui pra-pasca ujian sebelum dan selepas diberi olahan. Hasil daripada markah ujian tersebut dianalisis melalui perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) menggunakan ujian statistik jenis ujian-t untuk pengukuran berulang (*Paired-Sample T-Test*). Manakala kaedah penelitian deskriptif berasaskan penelitian analisis kandungan digunakan bagi menjawab persoalan kajian yang kedua bertujuan untuk mengenalpasti kesalahan-kesalahan bacaan teks Bahasa Arab pelajar. Analisis kandungan ini dinilai melalui bacaan pelajar ketika menjalani ujian membaca. Menurut Mohd. Majid (1990) pemerhatian merupakan satu kaedah yang boleh mengukur sesuatu pemboleh ubah. Dalam kajian ini, setiap bacaan pelajar diperhatikan dan diteliti untuk mengenalpasti kesalahan bacaan yang ada padanya dan dibandingkan adakah terdapat pengurangan yang berlaku sebelum dan selepas proses PBP. Bacaan pelajar dalam ujian juga bukanlah diperhatikan secara terperinci sehingga perlu menyebutnya secara tepat mengikut *makhraj* atau tempat keluar bunyi sesuatu huruf seperti sebutan ketika membaca al-Quran atau sebutan penutur Arab, akan tetapi pemerhatian tersebut hanyalah dilihat kepada kemampuan pelajar menyebut dan membaca teks dengan betul. Pemarkahan diberi dengan melihat kepada kemampuan pelajar membaca dengan sebutan yang betul mengikut bunyi konsonan dan vokal yang tertera dan tidaklah menyebutnya secara salah.

Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar yang mendaftar kursus Bahasa Arab tahap 3 di UMS-KAL pada semester 1 sesi pengajian 2019/2020. Kursus ini ditawarkan pada tiga peringkat asas iaitu tahap 1, tahap 2 dan tahap 3. Sampel kajian terdiri daripada 69 pelajar yang mendaftar kursus Bahasa Arab tahap 3 pada semester semasa. Para pelajar perlu melengkapkan ketiga-tiga tahap untuk membolehkan mereka lulus bergraduasi. Pelajar akan menduduki kursus ini sepanjang 14 minggu dengan tempoh pembelajaran sekali seminggu. Bagi melihat hasil keberkesanan PBP terhadap pengurangan kesalahan bacaan dalam kalangan pelajar, mereka akan dinilai dengan beberapa jenis ujian yang telah ditetapkan. Salah satu ujian tersebut adalah penilaian melalui ujian membaca dan penilaian Projek Kalam Jama'ie yang akan dipersembahkan oleh pelajar di minggu terakhir sesi pengajian. Projek yang dijalankan itu perlulah mengikut arahan dan tema yang diberikan. Oleh kerana kajian ini dijalankan dalam

bentuk kumpulan, maka kajian tidak menghadkan jumlah pelajar sebagai salah satu sampel kajian. Sebaliknya kajian ini hanya dinilai daripada sebutan dan bacaan pelajar melalui hasil persembahan dan ujian membaca.


Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah persediaan mengajar dan set ujian membaca pra dan pasca. Rancangan pengajaran PBP digunakan sebagai panduan sepanjang pengendalian projek, manakala ujian membaca dijadikan sebagai alat ukur kepada tahap kemampuan bacaan pelajar.

Rancangan pengajaran PBP

Penilaian PBP ini merupakan salah satu daripada 4 penilaian lain. Bagi tugas PBP ini berada di bawah kompenan penilaian kerja kursus berkumpulan yang diperuntukkan sebanyak 20%. Pelajar diarahkan untuk membentuk 2 kumpulan per seksyen yang terdiri daripada 12 atau 13 ahli pada setiap kumpulan. Pelajar perlu mengikuti keseluruhan aktiviti dan tugas PBP sepanjang 14 minggu sesi perkuliahan. Rancangan dan proses aktiviti PBP dilampirkan seperti carta berikut.

Carta 1: Rancangan Pengajaran Projek Kalam Jama'ie



Proses pelaksanaan PBP dijalankan mengikut rancangan pengajaran berikut sepanjang sesi perkuliahan bermula pada bulan September sehingga Disember 2019. Aktiviti-aktiviti yang diberikan kepada pelajar perlu disempurnakan secara berkumpulan. Pada peringkat awal, pelajar diberikan penerangan menyeluruh berkaitan maklumat PBP. Setelah itu, pelajar diarahkan untuk membentuk kumpulan dan bincangkan berkaitan pemilihan topik bagi projek masing-masing. Topik yang dipilih perlulah mendapatkan pengesahan daripada guru agar

menepati tahap kemampuan pelajar itu sendiri. Edaran borang persetujuan sebagai sampel kajian juga diedarkan pada minggu pertama tersebut. Terdapat 3 seksyen yang ditawarkan bagi Kursus Bahasa Arab untuk semester semasa dan dibahagikan kepada 6 kumpulan pelajar. Syarat untuk penetapan nama kumpulan haruslah mempunyai unsur Arab. Maka dari itu, 6 kumpulan yang dibentuk tadi adalah Shababul Jannah, Safinatun Najah, Mumtaz, Mawz wa Shukulat, 'Eashaqul Arab dan kumpulan Al-Ukhuwwah. Daripada pembentukan kumpulan tersebut, para pelajar telah memilih tajuk bagi Projek Kalam Jama'ie mereka iaitu

الْوَقْتُ ، مَا لِيَزِيَا الْحَبِيْبَةِ ، الرِّيَاضَةُ ، الشَّبَابُ وَالْقَلْبُ ، الْوَقْتُ ، تَعَلَّمِ الْعَرَبِيَّةَ ، أَمَلْنَا فِي الْمُسْتَقْبَلِ

Pada minggu berikutnya, setiap pelajar diarahkan menghadiri ujian membaca pra untuk mengetahui tahap kemahiran membaca pelajar pada asalnya. Seterusnya, pencerapan aktiviti-aktiviti PBP dijalankan selama 8 minggu merangkumi pelajaran berkaitan huruf-huruf Arab, vokal-vokal Arab, bunyi dan sebutan huruf-huruf Arab, merangka draf bagi teks Projek Kalam Jama'ie, membaca teks Kalam Jama'ie, menyenaraikan perkataan-perkataan yang sukar dalam teks yang ditulis, membuat pembetulan untuk kesalahan dalam teks, meletak baris atau vokal bagi setiap perkataan, membuat latihan persembahan Kalam Jama'ie dan di penghujungnya pelajar perlu mempamerkan persembahan akhir terhadap projek yang dirancang. Persembahan akhir projek dibentangkan pada minggu ke-13 perkuliahan bertempat di dalam dewan sambil disaksikan oleh rakan-rakan Bahasa Arab dari tahap yang lain. Akhir sekali, keberkesanan PBP dinilai melalui keputusan ujian membaca pasca yang dijalankan pada minggu ke-14. Segala tugas dan aktiviti di atas sejajar dengan konsep PBP dengan mengemukakan kaedah pendidikan abad ke-21 yang menekankan kemahiran menyelidik, mengkaji, menganalisis dan mengaplikasi perkara yang dipelajari dalam kehidupan seharian sebenar bagi mengalakkan pelajar berfikir secara kreatif dan inovatif sepanjang pembelajaran berlaku (Norafizah Abdul Razak, 2016)

Ujian Membaca Pra dan Pasca

Inovasi PdP berasaskan projek kalam jama'ie yang dilaksanakan ini adalah untuk membantu mengurangkan kesalahan bacaan teks dalam kalangan pelajar Bahasa Arab. Oleh sedemikian itu, setiap pelajar perlu menjalani ujian membaca bagi memperolehi keputusan tahap kemahiran membaca sebelum dan selepas olahan PBP dalam situasi pembelajaran mereka. Ujian membaca pra telah ditetapkan pada awal semester iaitu pada minggu kedua sesi perkuliahan bermula. Seterusnya pada minggu ke-14, para pelajar perlu menduduki ujian membaca pasca di akhir semester tersebut. Dua set soalan ujian membaca pra dan pasca itu mengandungi 25 soalan panduan KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) yang telah digariskan oleh KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Soalan-soalan itu mewakili 10 soalan berkaitan huruf tunggal, 10 bacaan suku kata, 10 soalan bacaan perkataan dan 5 soalan secara bacaan ayat. Contoh-contoh soalan yang digunakan dalam ujian tersebut berdasarkan seperti Jadual 1.

Jadual 1: Instrumen Ujian Membaca Bahasa Arab

Bacaan Tunggal	Huruf	Bacaan Suku Kata	Bacaan Perkataan	Bacaan Ayat
ث	فَا	نَجْمٍ	دَهَبَ الدِّئْبُ وَالذُّبَابُ إِلَى الْعَابَةِ.	
ع	قِي	أَحَدَ	غَادَرَ عَدْنَانَ إِلَى دُبِّي صَبَاحًا.	
س	هُو	فَالِخ		
ظ	بِن	ذَاهِبَانَ		
ك	سَع	الدِّئْبِ		

Kesemua 25 soalan ujian ini diberikan pemarkahan dari nilai 0 sehingga 4 markah iaitu dari tahap sangat lemah, lemah, bagus dan cemerlang. Keseluruhan markah berjumlah 100 markah untuk setiap ujian membaca. Bagi pelajar yang langsung tidak dapat membaca soalan akan diberikan markah 0. Manakala pelajar yang mampu menyebutkan perkataan tersebut dengan baik dan lancar akan diberikan markah penuh iaitu 4 markah bagi setiap soalan.

Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Instrumen penyediaan rancangan PdP berpandukan kesesuaian PBP telah disemak penyelia yang merupakan Pensyarah Bahasa Arab di UMS-KAL. Semakan dilakukan dari segi isi kandungan penyediaan mengajar dan set ujian membaca, struktur ayat dan penggunaan laras bahasa yang sesuai dengan tahap pelajar yang terlibat. Set ujian membaca yang digunakan telah dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu bacaan huruf tunggal, bacaan suku kata, bacaan perkataan dan bacaan ayat pendek. Perkataan-perkataan di dalam ujian membaca diambil dari panduan buku KSSR tahun 6 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Kebolehpercayaan soalan ujian dinilai dan diuji melalui kaedah ketekalan dalaman Alfa Cronbach. Nilai min, sisihan piawai serta kebolehpercayaan ujian selepas pemurnian ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Statistik Deskriptif Dan Kebolehpercayaan Ujian

Ujian	Min	Sisihan Piawai	Pekali Kebolehpercayaan
Pra	69.45	31.734	0.952
74.14	69.7500	29.622	

Menurut Fraenkel & Wallen (2006), nilai kebolehpercayaan yang diterima bagi tujuan penyelidikan sekurang-kurangnya haruslah mencapai 0.70 dan ke atas. Jadual di atas telah menunjukkan pekali kebolehpercayaan untuk ujian membaca pra dan pasca adalah 0.952. Ini jelas menunjukkan bahawa soalan ujian membaca yang digunakan mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi sesuai digunakan untuk mengukur tahap kemahiran membaca teks Bahasa Arab pelajar.

Dapatan Dan Perbincangan

Soalan Kajian 1: Sejauhmanakah Keberkesanan Tahap Pembelajaran Berasaskan Projek (Pbp) Dapat Mengatasi Dan Mengurangkan Kesalahan-Kesalahan Bacaan Teks Bahasa Arab Pelajar?

Bagi menjawab persoalan ini, data kajian telah dianalisis menggunakan perisian SPSS menggunakan ujian statistik jenis ujian-t untuk pengukuran berulang (*Paired-Sample T-Test*). Jenis ujian ini digunakan apabila sample diukur dua kali untuk membuat perbandingan terhadap kedua-dua data tersebut (Chua, 2012). Jadual di bawah menjelaskan perbezaan skor min ujian membaca pra dan pasca yang diuji ke atas sampel kajian. Berdasarkan keputusan hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa min ujian pra adalah rendah (min= 69.45, sisihan piawai 31.734) berbanding keputusan min ujian pasca yang mencatatkan min yang lebih tinggi iaitu (min=74.41, sisihan piawai=29.622). Ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara keputusan ujian pra dan pasca $t(68) = -2.968$, $p = .004$. Keputusan menunjukkan tahap signifikan adalah .004 iaitu signifikan disebabkan nilainya adalah lebih kecil daripada 0.05. Ini menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca iaitu sebelum dan selepas PBP dilaksanakan dalam PdP pelajar sepertimana dinyatakan dalam jadual 3.

Jadual 3: Perbandingan Skor Min Ujian Membaca Pra Dan Pasca

Ujian Membaca	N	Min	Sisihan Piawai	Df	Ujian T	Sig
Pra	69	69.45	31.734	68	-2.968	.004
Pasca	69	74.41	29.622			

Melihat kepada dapatan di atas jelas menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan terhadap kemahiran membaca teks Bahasa Arab pelajar melalui keputusan ujian pasca berbanding keputusan ujian pra sebelumnya. Pelajar telah menunjukkan kemahiran membaca teks Bahasa Arab mereka telah bertambah baik setelah diinovasikan kaedah PdP berkonsepkan PBP. Ini juga membuktikan bahawa PBP mampu memberikan kesan positif dan meningkatkan prestasi pencapaian yang lebih baik terhadap pelajar sepertimana disokong oleh pengkaji-pengkaji lain dalam kajian mereka (Samuel, Shek, Elizabeth, & Ken, 2011; McClurg, 2009; Cervantes, 2003). Kesimpulannya, perlaksanaan PBP mampu memperbaiki dan meningkatkan kemahiran membaca teks Bahasa Arab seterusnya mengurangkan dan menyedarkan pelajar terhadap kesalahan-kesalahan bacaan yang dilakukan pada awalnya.

Soalan Kedua: Apakah Kesalahan-Kesalahan Bacaan Yang Dilakukan Pelajar Ketika Membaca Teks Bahasa Arab Sebelum Dan Selepas Pelaksanaan PBP?

Kesalahan bacaan selalunya terjadi pada kesalahan sebutan bunyi huruf atau vokal-vokal Arab sama ada pada suku kata tunggal, perkataan atau bacaan ayat. Dalam penelitian ini, terdapat beberapa kesalahan bacaan pelajar yang dikenalpasti ketika melalui ujian membaca. Antara kesalahan biasa yang dilakukan pelajar adalah pada sebutan huruf sukar atau mempunyai bunyi yang hampir sama bunyi. Ada juga dalam kalangan pelajar yang langsung tidak dapat bezakan bunyi huruf yang hampir sama bentuknya. Berpandukan instrumen set ujian membaca di atas, kesalahan bacaan pelajar dapat disenaraikan seperti berikut:

1. Kesalahan pada bacaan bunyi huruf hamzah sukun seperti perkataan asal **الذَّئْبُ** (az_zi'bu). Pelajar membunyikan bacaan hamzah sukun tersebut dengan menukarkan kepada bunyi 'ayn, iaitu **الذَّعْبُ** (az_zi'bu). Terdapat juga pelajar yang membunyikan hamzah sukun seperti bacaan *mad* iaitu **الذَّيْبُ** (az_zību).
2. Kesalahan bacaan pada perkataan yang mempunyai huruf *lyn* iaitu huruf **و** dan **ي** sebelumnya berbaris *fathah*. Iaitu seperti perkataan asal **دُبَيِّ** (dubai) ditukar kepada bunyi **دُبِي** (dubī).
3. Kesalahan bacaan bagi suku kata terbuka ataupun diakhiri dengan huruf *mad* pada asalnya seperti **قِي , فَا , هُو** (qī, fā, hū) yang dibunyikan dengan **قِي , فَا , هُو** (qiya, fa'a, huwa). Terdapat juga beberapa kesalahan daripada bacaan pelajar yang tidak memanjangkan bunyi *mad* atau vokal panjang dengan membacanya seperti bunyi vokal pendek.
4. Kesalahan bacaan pada vokal *shaddah* atau sabdu misalnya perkataan asal **وَالذُّبَابُ** (wa_dh dhubābu) yang dibaca dengan bunyi **وَالذُّبَابُ** (wa_dhubābu) tanpa membunyikan huruf gandaan.
5. Kesalahan bacaan pada vokal *tanwin* seperti perkataan asal **فَالِحٌ , نَجْمٌ , صَبَاحًا** (fāliḥun, najmin, ṣabāḥan) yang dibaca tanpa membunyikan bunyi nun mati iaitu **فَالِحٌ , نَجْمٌ , صَبَاحًا** (fāliḥu, najmi, ṣabāḥā). Begitu juga pada suku kata **سُن , عٍ** (sun, 'in) yang dibaca **سُن , عٍ** (su, 'ie).
6. Kesalahan pada bacaan perkataan yang bermula dengan huruf **ال** yang berada di dalam satu ayat. Pelajar tidak menyambung bacaan yang pada perkataan kedua yang mempunyai huruf **ال** di awalnya. Sebaliknya membunyikannya satu persatu perkataan seperti **إِلَى الْعَابَةِ** (ila_l ghabah) tetapi dibaca **إِلَى الْعَابَةِ** (ila al_ghabah).

7. Kesalahan bacaan bunyi huruf tebal (أصوات مطبقة) iaitu huruf ط , ص , ض dan ظ. Pelajar tidak membunyikan bacaan yang mempunyai huruf-huruf ini dengan bacaan tebal, sebaliknya membaca dengan bunyi nipis.
8. Kesalahan pada membaca huruf yang hampir mirip bentuknya iaitu huruf ب/ت/ث/ن , ج/ح/خ , د/ذ , ر/ز/و , س/ش , ص/ض , ط/ظ , ف/ق.

Pelajar sering melakukan kesalahan-kesalahan tersebut ketika membaca teks Bahasa Arab semasa dalam ujian membaca. Bagi mengatasi kesalahan bacaan tersebut, PBP telah dilaksanakan dalam PdP pelajar dengan memberi pendedahan terhadap kesalahan yang sering dilakukan oleh mereka untuk memperbaiki bacaan dengan lebih bagus. Terdapat sedikit peningkatan prestasi bacaan pelajar pada keputusan ujian membaca pasca berbanding keputusan ujian membaca pra. Namun tahap kemahiran membaca pelajar masih berada di tahap sederhana dan perlu diberikan penekanan yang lebih mendalam bagi mengatasi kelemahan ini. Jadual di bawah menunjukkan peratusan pelajar yang melakukan kesalahan bacaan mengikut soalan atau perkataan dalam ujian membaca pra dan pasca. Perbandingan peningkatan dengan pengurangan kesalahan bacaan pelajar sebelum dan selepas PBP dapat dilihat melalui jadual ini.

Jadual 4: Peratusan Kesalahan Bacaan Pelajar Dalam Ujian Pra dan Pasca Mengikut Setiap Perkataan

Soalan	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan
ث	88.4	91.3	2.9
ع	85.5	88.4	2.9
س	56.5	68.1	11.6
ظ	73.9	75.4	1.5
ك	79.7	82.6	2.9
فا	85.5	82.6	-2.9
قي	68.1	79.7	11.6
هو	82.6	81.2	-1.4
بن	85.5	84.1	-1.4
سغ	63.8	75.4	11.6

نَجْم	65.2	91.3	26.1
أَحَدَ	75.4	79.7	4.3
فَالِحُ	59.4	66.7	7.3
ذَاهِبَانَ	82.6	82.6	0
الدُّنْبِ	29.0	42.0	13
دَهَبَ	81.2	79.7	-1.5
الدُّنْبُ	37.7	47.8	10.1
وَالدُّبَابُ	62.3	60.9	-1.4
إِلَى	73.9	78.3	4.4
الْغَابَةِ	56.5	65.2	8.7
غَادِرَ	75.4	76.8	14
عَدْنَانُ	69.6	75.4	5.8
إِلَى	79.7	82.6	2.9
دُبِّي	50.7	40.6	-10.1
صَبَاخًا	68.1	75.4	7.3

Berdasarkan keputusan ini menunjukkan bahawa PBP mampu meningkatkan kemahiran membaca teks pelajar secara keseluruhan. Walaupun peningkatan tersebut bukanlah pada tahap yang tinggi, namun sedikit sebanyak ianya mampu membantu dalam pembelajaran Bahasa Arab pelajar.

Kesimpulan

Rumusannya, tidak dinafikan bukanlah hanya kelas yang mengamalkan konsep PBP ini sahaja yang menunjukkan model terbaik dalam prestasi pembelajaran pelajar. Namun sedikit sebanyak ianya menampakkan perubahan ke arah yang lebih bagus dan bolehlah dijadikan contoh kepada pengajar-pengajar lain untuk diaplikasikan dalam kelas masing-masing. Para pengajar juga harus mempertimbangkan tentang tujuan utama pembelajaran itu berlaku bukan semata-mata menumpukan kepada markah atau keputusan peperiksaan sahaja, namun perlulah berusaha menyediakan atau mencipta aktiviti dan pelajaran yang membawa kepada hasil proses pembelajaran yang jitu. Usaha dan inisiatif kepelbagaian kaedah penyampaian pedagogi perlulah sentiasa dicuba bagi menyesuaikan cara belajar pelajar selari dengan gaya pembelajaran abad ke-21. Oleh itu, kaedah PBP yang berkesan mampu melahirkan hasil yang mengagumkan bukan sahaja kepada pencapaian pelajar malah membentuk kemahiran insaniah pelajar bertepatan dengan suasana persekitaran sosial kini.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai dari segi kewangan oleh UMSGant, Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaysia Sabah (No. Geran: SBK0387-2018)

References

- Abdul Aziz Abdul Talib. (1993). Menguji Kemahiran Bahasa: Prinsip, Teknik dan Contoh. Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka*
- Cervantes, B. M. (2003, February). The Impact Of Project-Based Learning On Mathematics And Reading Achievement Of 7th And 8th Grade Students In A South Texas School District. Retrieved from ProQuest Dissertations And Theses Global: <https://search.proquest.com/pqdtglobal/docview/276075080/previewPDF/8FC0807F05584D6BPQ/1?accountid=44242>
- Chua, Y. P. (2012). Asas Statistik Penyelidikan Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Fraenkel, J. R. dan Wallen, N. E. (2006). How to design and evaluate research in education (6th ed.). New York: McGraw-Hill
- Fried-Booth, D. L. (1986). Project work. UK, Oxford: Oxford University Press.
- Grant, M. M. (2002). Getting a grip on project-based learning: Theory, cases and recommendations. *Computer Technologies Journal*, 5(1), 1-17.
- Institut Pendidikan Buck. 2008. Project Based Learning: The Online Resource for PBL. Retrieved from <http://pbl-online.org>. pada 9 April 2011.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Bahasa Arab Tahun 6*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- McClurg, S. (2009). Increasing middle school student achievement in reading and language arts with project -based learning methods of instruction. *ProQuest Dissertations & Theses Global*. Retrieved from <https://search.proquest.com/pqdtglobal/docview/276075080/previewPDF/8FC0807F05584D6BPQ/1?accountid=44242>
- Mustolehudin, M. (2011). Tradisi Baca Tulis Dalam Islam Kajian Terhadap Teks AlQur'an Surat Al 'Alaq Ayat 1 - 5. *Jurnal Analisa*, 145-154.
- Moursund, D. (1998). Project-based learning in an information technology environment. *Learning and Leading with Technology*, 25(8), 4-8.
- Nur Afifah, M. (2012). Masalah Sebutan Bunyi Vokal Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu IPTA. *Masters thesis, University of Malaya*, (unpublished).
- Nur Hafizah Ahmad Tajuddin. (2011). Penguasaan kemahiran sebutan bahasa Arab melalui keadah transliterasi : Satu penilaian . Retrieved from University Of Malaya Students Repositoy: <http://studentsrepo.um.edu.my/3163/>
- Rosni Samah. (2009). Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Samuel, K. W., Shek, K. T., Elizabeth, K. L., & Ken, C. (2011, July). *Collaborative inquiry project-based learning: Effects on reading ability and interests*. Retrieved from Science Direct: <https://reader.elsevier.com/reader/sd/pii/S0740818811000296?token=A04B60965070C4A60B9A673B5B76D79AD8CE252B07287E4A8F770914F9287420B84C181D2706C1C2E6C61DE65C1FC55A>
- Siti Katijah, J., Nurul Ain, Z., Siti Aishah, R., Nur Shafiekah, S., & Siti Nurul Aishah, A. (2019, September 17&18). Authentic Learning Experience: Engaging Students Into A "Real -

Life" Project In An English Classroom. *1st International Conference on Education and Languages for Students and Adult Learners*, pp. 60-74.

Tal, T., Krajcik, S. & Blumenfeld, P. C. 2006. Urban Schools' Teachers Enacting Project-Based Science. *Journal of Research in Science Teaching*, 43(7), 722-745.

Veerasamy Naidoo. 2010. Project Based Learning (PBL): An Innovative Vehicle for the Assessment of Student Learning in the Science Classroom. (Tesis PhD. Tidak Diterbitkan). Curtin University of Technology, Australia.